

RON95 turun 4 sen, RON97 turun 7 sen

Putrajaya: Harga runcit petrol RON95 turun empat sen seliter kepada RM2.04 manakala RON97 turun tujuh sen seliter kepada RM2.34.

Penurunan sama turut dialami harga runcit diesel yang turun 10 sen kepada RM2.08 seliter.

Harga runcit produk petroleum itu bagi tempoh 8 Februari hingga 14 Februari.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, penurunan harga runcit itu disebabkan penurunan harga minyak global.

“Harga RON95 sebanyak RM2.04 seliter dan diesel sebanyak RM2.08 seliter ini menunjukkan penurunan yang besar berbanding minggu lalu (1 Februari hingga 7 Februari) bagi harga runcit produk petrol RON95 yang berada pada RM2.11 seliter (tetapi disekat pada had runcit RM2.08 seliter) dan diesel yang berada pada paras RM2.18 seliter,” katanya.

